



## ATCi 2009 Mantapkan Sains Teknologi Maju



*Prof. Datin Paduka Aini Ideris bergambar kenangan bersama Pengarah ITMA, Prof. Dr. Borhanuddin (lima dari kiri) dan barisan penceramah.*

**SERDANG, 3 Nov** – Kongres Teknologi Maju 2009 (ATCi 2009) akan menjadi platform untuk ahli profesional, ahli-ahli akademik, penyelidik dan usahawan untuk bertukar-tukar pandangan, penemuan, idea dan inspirasi dalam bidang sains dan teknologi maju.

Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa Universiti Putra Malaysia, Prof. Datin Paduka Dr. Aini Ideris berkata kongres tersebut yang menghimpunkan penceramah dan peserta dari UPM dan pihak luar akan menekankan pendekatan pelbagai disiplin yang menggabungkan sains fizikal, kejuruteraan dan teknologi maklumat.

“Kongres yang bertemakan ‘Menghadapi Cabaran dalam Globalisasi Melalui Teknologi Maju’ ini akan membantu UPM dan Institut Teknologi Maju (ITMA) merangsang pertumbuhan jaringan kerjasama yang baru dan memantapkan jaringan sedia ada dengan institut, organisasi dan industri antarabangsa.

Pada masa yang sama ia bertujuan memudahkan bidang penyelidikan dalam mengkomersialkan penemuan dan inovasi baru,” katanya dalam ucapan perasmian kongres di Dewan Tun Hussein Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

ATCi 2009 merupakan kongres anjuran ITMA yang terdiri daripada lima persidangan, iaitu *Conference on Advanced Materials and Nanotechnology (CAMAN 2009)* untuk bidang *Fracture, Catalysts and Nanoteknologi*, *Conference on Alternative and Renewable Energy (CARE 2009)* untuk bidang *Renewable Energy, Control Engine System and Energy Storage*, *Conference on Intelligent Systems and Robotics (CISAR 2009)* untuk bidang *Automated Manufacturing Process and Artificial Intelligence*, *Conference on SMART Farming (SMARTFarming 2009)* untuk bidang *Yield Mapping System, Computerize Communication and Agricultural Automation* dan *Conference on Spatial and Computational Engineering (SPACE 2009)* untuk bidang *Computational Engineering, Image Analysis and Remote Sensing*.

Pengarah ITMA, Prof. Dr. Borhanuddin Mohd Ali berkata kongres tersebut dapat memberi jaminan kepada penyelidik berkaitan jaringan kukuh yang bakal diperoleh melalui perbincangan yang akan wujud sepanjang kongres.

“Kami percaya bahawa penemuan-penemuan baru dalam teknologi maju perlu dihebahkan dan dikongsi bersama dalam memastikan bidang sains teknologi maju ini terus berkembang selaras dengan perkembangan bidang-bidang lain yang berkaitan,” katanya.

Kongres tersebut akan berakhir pada 5 November ini dan mensasarkan seramai 500 orang peserta dari seluruh institusi tempatan dan antarabangsa.



*Prof. Datin Paduka Dr. Aini Ideris menerima cenderamata daripada Pengarah ITMA, Prof. Dr. Borhanuddin.*

**Berita ini disediakan oleh Seksyen Media, Publisiti dan Penerbitan UPM.**